



HARGA barang antik yang melambung tinggi tidak menghalang peminat-peminat barangan antik meneruskan hobi mereka.

SENI bina bangunan yang bercirikan golongan Peranakan menjadi identiti di Jonker Walk.

kosmo 19/1/12

MS 30



# Jejak warisan jalan nostalgia

Populariti Jonker Walk tidak terhad dengan perniagaan kraftangan, makanan, pakaian semata-mata, sebaliknya turut menjadi syurga peminat-peminat barangan antik di Malaysia.

Oleh **AMMAR JAZLAN MAD LELA**  
 ammar.jazlan@kosmo.com.my

**T**ENGGAH hari Sabtu itu, suasana di Jalan Hang Jebat atau nama popularnya, Jonker Walk tampak meriah. Kenderaan bertali arus melalui laluan sempit di antara deretan lebih 140 buah kedai lama yang dipercayai telah wujud sejak kurun ke-17 itu.

Kelibat pengunjung termasuk pelancong asing mula membanjiri laluan sepanjang kira-kira 500 meter itu. Ada yang dilihat membeli-belah, menjamu selera dan tidak kurang juga yang leka memetik lensa kamera mengabadikan memori indah di lokasi wajib kunjung di Melaka itu.

Bagaimanapun, populariti Jonker Walk tidak terhad kepada perniagaan kraftangan, makanan, pakaian semata-mata, sebaliknya turut menjadi syurga peminat-peminat barangan antik di Malaysia.

Salah satu premis barangan antik yang popular laluan itu ialah Abdul Antiques yang kini diusahakan oleh Moidu Abu Bakar yang juga dikenali sebagai Raja Barang Antik Malaysia.

Tatkala menjengah ke ruang dalamnya, mata pengunjung mudah tertumpu pada sebuah gramofon berwarna emas yang diletakkan di bahagian kaunter.

“Gromofon ini sudah berusia puluhan

tahun tetapi keadaannya masih baik. Biar saya mainkan,” kata Mohd Suffian, anak ketiga Moidu yang membantu menguruskan perniagaan itu sejak tiga tahun lalu.

Biarpun mutu bunyinya tidaklah sejelas atau secanggih cakera digital pada hari ini, bait-bait lagu berku-mandang melalui piring hitam itu tetap lunak didengar.

Menurut pemuda berusia 28 tahun itu, premis Abdul Antiques menyimpan ribuan barangan antik yang terdiri daripada koleksi perabot, hiasan rumah, jam dinding, lampu, pasu, pakaian tradisional, senjata, meriam dan sebagainya.

Harganya pula bermula dari serendah puluhan ringgit sehingga mencecah ratusan ribu ringgit bergantung kepada nilai dan estetika barangan itu.

Jelasnya, sebahagian besar barangan antik di situ diperolehi dari dalam negara dan menggabungkan tiga identiti utama masyarakat di Melaka iaitu golongan Peranakan, Ceti dan Melayu.

Bercerita tentang legasi perniagaan keluarganya itu, pemilik sarjana dalam bidang kejuruteraan perisian komputer itu memberitahu ia dimulakan oleh datuk saudaranya, T.K.

Kutty yang menjadi orang pertama membuka kedai barangan lama di situ sekitar tahun 1936.

Pada waktu yang sama, katanya, dak-tuknya, T. Abu Bakar membuka Abdul Company tidak jauh dari kedai pertama itu dan sejak itu empayar barangan antik milik keluarga Moidu terus ter-pahat di laluan itu.

“Bangunan ini merupakan bangunan asal yang telah diusahakan sejak 76 tahun lalu. Kini kami mempunyai sebuah lagi cawangan iaitu di Jalan Tun Tan Cheng Lock (Heeren Street),” katanya.

Ujarnya, biarpun terpaksa bersaing dengan perniagaan-perniagaan lain di sepanjang laluan itu,

namun dia bangga kerana Jonker Walk tetap mengekalkan identiti asalnya sebagai ‘lubuk’ barangan antik di Melaka.

**MOHD. SUFFIAN** menunjukkan gramofon yang masih berfungsi dengan baik di premisnya.



**ORIENTAL** Collection, sentiasa menjadi tumpuan pengunjung yang mahu mendapatkan barangan antik dari Timur khususnya China.



**DANIEL** sentiasa memastikan semua barangan antik di premisnya dijaga dengan baik dan cermat.



Kosmo 19/1/12

MS 31.

“Sehingga kini terdapat lebih 10 premis barangan antik yang masih beroperasi di sepanjang laluan ini, pastinya, masing-masing mempunyai keistimewaan dan tarikan yang tersendiri,” katanya yang memberitahu bahawa barangan antik diminati oleh pelbagai kaum.


### Perabot jati

Sejarah barang antik bermula di Melaka pada penghujung kurun ke-19 apabila keluarga mewah Baba dan Nyonya membawa masuk tukang yang mahir menghasilkan kabinet dan pelbagai kelengkapan rumah.

Perabot-perabot yang dihasilkan daripada kayu jati, kayu nam dan kayu hitam (eboni) itu kemudiannya meraih populariti pada era 1960-an dan 1970-an apabila angkatan tentera British dan pegawai mereka dihantar pulang setelah Kem Terendak ditutup.

Ramai antara mereka yang mahu membawa pulang sebahagian daripada tinggalan sejarah itu. Suluan daripada itulah permintaan terhadap barangan antik terus meningkat.

Sementara itu, pemilik bisnes Oriental Collection, Daniel Chwee Pang Ming pula lebih selesa menjual barangan antik yang



MOHD. RAFIUDDIN AHMAD JURI

SEBAHAGIAN besar barangan antik di Abdul Antiques di perolehi di dalam negara dan menggabungkan tiga identiti utama masyarakat di Melaka iaitu golongan Peranakan, Ceti dan Melayu.



PASANGAN pelancong dari Austria, Martin (kiri) dan Elke teruja melihat barangan antik yang dipamerkan di Jonker Walk.

## Lokasi-lokasi menarik di Jonker Walk

### ■ Jonker 88

Selepas puas berjalan, rasa letih dan dahaga boleh disegarkan semula jika singhag seketika di kedai Jonker 88 yang popular dengan hidangan pencuci mulut seperti cendol dan ais kacang.

Di samping itu, ia juga menyediakan hidangan popular masyarakat Peranakan seperti asam laksa yang enak dan menyelerakan.



### ■ Makam Hang Kasturi

Hang Kasturi merupakan salah seorang daripada pahlawan lima bersaudara yang juga

bergandingan bersama Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekir dan Hang Lekiu.

Reka bentuk Makam Hang Kasturi



jual pelbagai barangan antik yang berunsurkan tempatan dan oriental.

Memulakan perniagaan itu kira-kira 20 tahun lalu, Daniel berkata, selain memperoleh barangan antik daripada orang perseorangan, dia juga sering menjelajah ke luar negara seperti China yang terkenal dengan keagungan sejarah silamnya.

“Produk-produk dari China sememangnya tidak kurang hebatnya kerana tampak lebih artistik dan terkenal kehalusan ukirannya.

“Antara koleksi barangan antik yang sering menjadi permintaan peminat-peminat barangan antik di negara ini ialah tembikar, lukisan, pasu, perabot, penghadang dinding dan sebagainya,” ujarnya.

Jelas Daniel, kebanyakan pelanggan di premis dua tingkatnya itu datang dari seluruh negara termasuk dari Singapura.

Terangnya lagi, harga sesuatu barang antik itu akan ditentukan mengikut usia dan tarikh ia dihasilkan setelah disahkan tulen oleh pakar berkaitan.

“Dalam perniagaan barang antik, semakin lama usia

sesuatu barang itu, maka semakin mahal harganya. Namun, jika dilihat dari aspek sejarah, kehalusan seni buaatannya, keunikan, budaya dan warisan membuatnya ia tidak boleh dinilai dengan wang ringgit semata-mata.

Daniel memberitahu, antara koleksi berharga yang berada di dalam simpanannya ialah kostum bangsawan Nyonya yang harganya mencecah RM50,000 sepasang.

Sementara itu seorang pelancong dari Austria, Elke Weiss, 41, kagum dengan pelbagai koleksi barangan antik yang dilihat di sekitar Jonker Walk.

“Sebelum ini, saya hanya sempat melihatnya melalui risalah dan melayari internet. Kali ini saya

puas kerana berpeluang menyaksikan di depan mata,” katanya yang berkunjung ke Melaka bersama suaminya, Martin Blqs, 44.

Sementara itu, seorang pelancong dari United Kingdom, Karina Prasad, 45, memberitahu, dia teruja melihat pelbagai koleksi barangan antik yang terdapat di situ.

“Apa yang saya perhatikan kebanyakan barangan itu berusia ratusan tahun dan sukar diperolehi ketika ini,” katanya.

Ujar kakitangan dari University Cambridge itu, dia sememangnya menggemari barangan antik kerana kecantikan barang-barang tersebut di samping meminati kerja lama yang halus dan penuh berseni.



SEJAK diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia, Jonker Walk terus menarik ribuan pengunjung ke Melaka.

Reka bentuk Makam Hang Kasturi banyak dipengaruhi seni bina India. iaitu terdapat ruang-ruang untuk menempatkan pelita untuk menerangi makam tersebut.

Makamnya juga dalam bentuk bertingkat dan sederhana besar, bukan berukuran panjang seperti makam-makam lain yang sezaman dengannya.

### ■ Poh Keong Enterprise

Selain jualan barangan seni dan budaya, Jonker Walk sememangnya terkenal sebagai lokasi menjamu selera.

Salah satu yang wajib dicuba ketika berkunjung ke sini ialah Poh Keong Enterprise yang menjual aneka pastrri yang lazat dan menyelerakan.

Rasailah keenakan tat nanas yang dan pastrri durian yang berkrim dan penuh aroma. Lebih menarik, semua pastrri yang dijual dibakar terus dari ketuhar dan dijual pada harga yang berpatutan.



### ■ Taman Warisan Dunia Jonker Walk

Bunyinya seperti muzium tetapi ia sebenarnya sebuah taman riadah yang dibina untuk pengunjung berehat dan melepaskan lelah.

Di hadapan taman itu pengunjung disambut dengan patung gangsa gergasi mantan ahli bina badan kelahiran Melaka, Datuk Wira Gan Boon Leong. Kawasan itu juga diserikan dengan pelbagai arca seperti naga, kerbau dan gajah serta dipindahkan dengan seni landscap hijau dan pancuran air yang menenangkan.

